

# Qalam

128, Ramadhan 1380, Mac 1961, 60 sen

## Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam, Singapura

Dalam majalah ini bulan yang lalu, kita telah mengeluarkan sepenuhnya Rang Undang-undang yang bersebut supaya umat Islam dapat menatapnya, dan di dalamnya keluaran ini kita ada memberi sedikit pemandangan atas perkara-perkara yang mustahak diperhati dan diselidiki oleh ramai, terutamanya ulama-ulamanya, di dalam memberi pandangan mereka ke atas Rang Undang-undang yang tersebut. Fikiran-fikiran atas ini telah pun dilanjutkan masanya hingga pada akhir minggu bulan April 1961 dan akan dikemukakan dalam sidang *Select Committee* pada 4 Mei 1961.

Tatkala mengemukakan Rang Undang-undang ini, Menteri Kehakiman Tuan K.N Byrne telah menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini telah pun disahkan oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura – kemudian Rang Undang-undang ini diminta pertimbangan ramai serta masanya akan ditutup pada 21 Januari 1961 sidang terjemahannya dapat disiarkan oleh kerajaan hanya pada 18 Januari 1961 iaitu tiga hari sebelum habis masa itu. Untung juga masanya telah pun ditangguhkan – kalau tidak harus undang-undang tidak dapat peluang memberi pendapat dan fikirannya.

Malangnya pula, terjemahan Rang Undang-undang itu, kerajaan yang menerbitkan tidak sedikit pun bertanggungjawab, sidang pada umumnya ahli Majlis Penasihat Kerajaan yang mengkaji dan mengesahkan Rang Undang-undang itu, seperti

yang dikatakan Tuan Byrne, hampir-hampir semuanya orang-orang yang mengerti bahasa Melayu, terutamanya ulama-ulamanya.

Dengan keadaan yang nyata ini maka timbullah perasaan syak adakah sebenarnya ahli-ahli Majlis Agama Islam telah pun meluaskan Rang Undang-undang ini, atau pun baharu “mendengar-dengar” sahaja atau pun boleh jadi harus ada pula apa-apanya di sebalik hal-hal yang tersebut. Keadaan ini bertambah-tambah lagi mendatangkan syak bahawa ahli-ahli Majlis telah bersetuju dengan yang demikian itu kerana banyak kandungannya bertentangan dengan kehendak-kehendak syarak. Orang-orang memandang tidak mungkin ahli-ahli agama di dalam Majlis Islam Penasihat Kerajaan akan sebegitu sekali membiarkan satu undang-undang yang banyak perkaranya yang bertentangan dengan syarak Islam akan diperundangkan-undangkan oleh kerajaan sedang dikatakan pula bahawa Rang Undang-undang itu disahkan oleh mereka.

Keadaan itu semakin terang pula keadaannya kebanyakan ahli-ahli Majlis Islam Penasihat Kerajaan itu persendirianya adalah pula hubungannya dengan badan-badan yang lain, termasuk Yang Dipertua sendiri. Apabila badan-badan itu membahas perkara ini bagi mengemukakan bantahan maka mereka-mereka ini, yang mengerti di dalam hal ehwal agama masing-masing menyertai bantahan-bantahan itu dan menunjukkan perasaan-perasaan tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang itu.

Dengan ini semuanya orang-orang makin bertanya apakah nama Majlis Islam Penasihat Kerajaan hanya dijadikan tangga untuk melangkah dan tidak sebagai tempat sebenar-benarnya meminta fikiran dan pendapat yang mengenai kedudukan kerajaan dengan orang-orang Islam di Singapura? Apakah ahli-ahli Majlis Islam Penasihat Kerajaan sekarang reda memejamkan matanya dengan hal-hal yang demikian itu. Soal-soal ini terpulang jawapannya kepada mereka sendiri sedang orang ramai terus memandang; adakah Majlis itu hanya sebagai alat atau sebenarnya tempat meminta nasihat dan berani memberi nasihatnya dengan cara hak dan jitu.

\* \* \*

Terlanjur memperkatakan perkara ini, patut kita memberi fikiran mengenai undang-undang ini. Barangkali harus timbul cita-cita oleh penaja-penajanya (harus dari pihak orang Islam sendiri) bahawa mengadakan undang-undang ini kerana tujuan mencari manfaat dan faedah untuk maslahat orang-orang Islam. Kalau ini cita-citanya sememangnya patut dipuji.

Tetapi sebelum mengemukakan undang-undang itu kepada kerajaan apakah mereka telah memikirkan dengan mendalam kedudukan orang-orang Islam di Singapura ini – bagaimana keadaan hidup mereka dan bagaimanakah perihal ehwal mereka di dalam masyarakatnya. Adakah di dalam kedudukan mereka yang menjadi penduduk yang sedikit itu patut ada satu undang-undang khas bagi mereka sebagai tambahan kepada undang-undang yang ada? Adakah undang-undang itu hanya semata-mata akan mengikat orang-orang Islam di dalam lingkungan bangsa-bangsa lain dengan sesuatu hukuman yang tidak terlaksana dengan semestinya?

Yang tersebut di atas adalah seperkara. Yang lain pula apakah tidak difikirkan masak-masaknya, ertinya mengambil hak-hak wakaf orang-orang Islam untuk direbut kuatkuasa diserahkan ke tangan kerajaan. Tidakkah dengan itu kelak perlahan-perlahan umat

Islam akan ditutup mulutnya bersuara menghidupkan roh al-Islamiyyah? Pengalaman-pengalaman seperti ini banyak sudah kita lihat di mana-mana. Demikian juga hal ehwal mengenai zakat – apakah akan memberi hasil seperti yang dikehendaki? Semuanya patut difikirkan masak-masak lebih dahulu. Sekalipun di sebalik itu ada tujuan-tujuannya yang baik.

Kalau tujuan-tujuan itu hanya sebagai suatu beban yang hanya mendatangkan hukumannya kepada pelanggar-pelanggarnya sedang hasilnya tidak ada, maka undang-undang seperti ini tidak patut diadakan sama sekali sebab banyak perkara-perkara yang dibuat atau dilakukan itu digantungkan oleh syarak kepada keikhlasan. Kalau ada pun perkara-perkara yang boleh dikuatkuasakan seperti memungut zakat maka patut pula dikaji apakah kita di Singapura ini duduk di dalam sebuah kerajaan yang tertakluk di bawah bendera Islam?

Berdasarkan perkara-perkara ini dan meramandang bahawa perkara-perkara agama diambil sekerat-sekerat dan tidak pula mengikut sebenar-benarnya kemahan syarak maka kita berpendapat bahawa undang-undang ini tidaklah seyogianya dikuatkuasakan – memadai di sini diadakan perkara-perkara yang hanya mengenai hal ehwal nikah kahwin sahaja.

## Selamat Hari Raya Aidil Fitri

Kepada sekalian

*Ikhwan al-Muslimin*